

Bonus sebulan setengah gaji kepada penjawat awam di Pahang

oleh NORAWAZNI YUSOF 04 Disember 2023 12:55pm Masa membaca: 1 minit



Gambar hiasan

KUANTAN - Kerajaan Pahang mengumumkan bantuan khas kewangan (BKK) sebulan setengah dengan minima RM2,000 kepada semua penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri menerusi Belanjawan Pahang 2024.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, BKK tersebut sebagai penghargaan kerajaan negeri kepada seluruh penjawat awam negeri ini.

"Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh penjawat awam yang terus menerus memberikan dokongan dan keyakinan dalam melaksanakan amanah ini.

"Sikap profesionalisme dan saling hormat-menghormati menjadi adunan penting dalam memastikan Negeri Pahang kekal maju dan makmur," katanya.